

HANYA 19 GERAI BEROPERASI DARIPADA 150 TAPAK

‘Saya tak pernah rugi **seteruk** ini’

Peniaga Bazar Aidilfitri, Bazar Lorong Haji Taib dakwa terjejas akibat sambutan dingin pengunjung



Ramai peniaga yang menarik diri, mereka tidak sanggup lagi untuk menanggung kerugian akibat kurang sambutan”

Omar Osman



DBKL pula minta peniaga untuk berkemas dan menutup gerai serta tidak membenarkan perniagaan dijalankan selepas jam 12 tengah malam”

Rosni Husin



RAMAI peniaga Bazar Aidilfitri dan Bazar Lorong Haji Taib didakwa menarik diri akibat tidak sanggup menanggung kerugian.

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Peniaga Bazar Aidilfitri dan Bazar Lorong Haji Taib, di sini, mendakwa terjejas teruk berikutan kurang pengunjung, malah hanya 19 peniaga yang menjalankan perniagaan berbanding 150 tapak yang disewa da-

ripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Peniaga, Omar Osman, 60, berkata, ramai peniaga mengeluh kerana bazar kurang mendapat sambutan, tidak seperti tahun-tahun sebelumnya.

“Ramai peniaga yang menarik diri, mereka tidak sanggup lagi untuk menanggung kerugian akibat kurang sambutan.

“Bazar yang diuruskan DBKL ini sepatutnya lebih meriah terutama menje-

lang perayaan,” katanya ditemui, semalam.

Sambutan dingin pengunjung turut memberi kesan kepada Bazar Lorong Haji Taib yang sekian lama beroperasi.

Seorang lagi peniaga, Rosni Husin berkata, dia yang berniaga sejak tahun 1997 terkilan dengan pelbagai arahan terbaharu dikeluarkan DBKL.

“Saya tidak pernah kerugian seteruk ini, tahun ini adalah tahun paling su-

kar bagi kami peniaga-peniaga di sini.

“DBKL pula minta peniaga untuk berkemas dan menutup gerai serta tidak membenarkan perniagaan dijalankan selepas jam 12 tengah malam,” katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Peniaga dan Penjaja Bumiputera Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPPBWPKL) Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, DBKL dilihat gagal menguruskan bazar se-

penuhnya.

“Bukan sahaja di Jalan Tunku Abdul Rahman, malah di sini juga berdepan pelbagai isu.

“Daripada 150 lot bazar, hanya 19 yang berniaga dengan selebihnya menarik diri.

“Dengan harga sewaan RM2,700 pun peniaga masih mendakwa rugi kerana tiada sambutan,” katanya.

Menurutnya, DBKL perlu me-

ngambil langkah segera termasuk berbincang dengan pihak persatuan bagi mencari jalan keluar isu terbabit.

“Janganlah sombong sangat, kita hantar surat untuk berbincang bagi menyelesaikan masalah peniaga namun tidak dilayan. Kami tidak dipanggil walaupun sekali untuk duduk berbincang bagi menyelesaikan perkara ini,” katanya.



PENIAGA Bazar Aidilfitri dan Bazar Lorong Haji Taib mendakwa terjejas teruk berikutan kurang dikunjungi.

